

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 DISEMBER 2017 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Elak ke laut buat sementara waktu - TLDM	BERNAMA
2.	Amaran ribut petir di beberapa negeri	Berita Harian Online
3.	Elak ke laut buat sementara waktu	Sinar Harian Online
4.	Angin kencang, ribut petir dijangka landa lima negeri	Astro Awani
5.	Ibu Bapa pastikan anak patuhi peraturan keselamatan jalan raya	BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 27 DISEMBER 2017 (RABU)



Elak Ke Laut Buat Sementara Waktu - TLDM

KOTA KINABALU, 26 Dis (Bernama) -- Armada Timur Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menasihatkan komuniti maritim khususnya di Sabah dan Sarawak agar tidak keluar ke laut buat masa ini sehingga keadaan cuaca kembali tenang bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Panglima Armada Timur Laksamana Madya Datuk Syed Zahiruddin Putra Syed Osman dalam kenyataannya hari ini berkata mereka yang berada di laut pula dinasihatkan supaya berhati-hati dan mengambil langkah keselamatan sewajarnya.

Beliau memberi nasihat itu berikutan amaran angin kencang serta laut bergelora di perairan Condore, Terumbu Utara, Labuan dan Pulau Layang-Layang yang dijangka berterusan sehingga esok.

Jabatan Meteorologi Malaysia menyatakan Ribut Tropika Tembin dijangka bergerak dari arah Selatan Filipina menuju ke Barat Laut China Selatan dengan kelajuan angin mencecah 125 km/j dan ketinggian ombak sehingga 4.5.

Keadaan itu berbahaya kepada aktiviti perkapalan, penangkapan ikan, perkhidmatan feri, bot-bot kecil serta rekreasi di laut.

Syed Zahiruddin berkata komuniti maritim perlu sentiasa mengikuti perkembangan ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan **Jabatan Meteorologi Malaysia** serta nasihat agensi keselamatan termasuk TLDM dari masa ke semasa.

Beliau mengingatkan mereka supaya segera menghubungi ?Pusat Operasi Markas Pemerintahan Armada Timur di talian 088-473606 dan ?Pusat Operasi Markas Wilayah Laut 2 (089-219709) atau Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Wilayah Maritim Sabah (088-270165) dan Wilayah Maritim Sarawak (082-432544) jika berlaku kecemasan di laut.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BHARIAN.COM.MY
TARIKH: 27 DISEMBER 2017 (RABU)**



JABATAN Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran ribut petir di perairan Perak, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Sarawak.- Foto Ghazali Kori

Amaran ribut petir di beberapa negeri

KUALA LUMPUR: **Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)** mengeluarkan amaran ribut petir di perairan Perak, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Sarawak.

Keadaan ini boleh menyebabkan angin kencang hingga 50 kilometer sejam (km/j) dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian hingga 3.5 meter.

Kawasan tumpuan bagi ribut petir, hujan lebat dan angin kencang di sekitar Perak adalah daerah Kerian, Larut, Matang dan Selama; Kuala Kangsar, Kinta, Kampar, Manjung, Perak Tengah, Muallim dan Batang Padang.

Di Pahang pula adalah daerah Cameron Highlands, Lipis, Raub, Bentong, Temerloh, Pekan dan Kuantan.

Di Kelantan, daerah Lojing manakala di Terengganu, daerah Dungun dan Kemaman juga mengalami ribut petir berserta angin kencang.



Elak ke laut buat sementara waktu



TLDM

KOTA KINABALU - Armada Timur Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menasihatkan komuniti maritim khususnya di Sabah dan Sarawak agar tidak keluar ke laut buat masa ini sehingga keadaan cuaca kembali tenang bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Panglima Armada Timur Laksamana Madya Datuk Syed Zahiruddin Putra Syed Osman dalam kenyataannya hari ini berkata mereka yang berada di laut pula dinasihatkan supaya berhati-hati dan mengambil langkah keselamatan sewajarnya.

Beliau memberi nasihat itu berikutan amaran angin kencang serta laut bergelora di perairan Condore, Terumbu Utara, Labuan dan Pulau Layang-Layang yang dijangka berterusan sehingga esok.

Jabatan Meteorologi Malaysia menyatakan Ribut Tropika Tembin dijangka bergerak dari arah Selatan Filipina menuju ke Barat Laut China Selatan dengan kelajuan angin mencecah 125 km/j dan ketinggian ombak sehingga 4.5.

Keadaan itu berbahaya kepada aktiviti perkapalan, penangkapan ikan, perkhidmatan feri, bot-bot kecil serta rekreasi di laut.

Syed Zahiruddin berkata komuniti maritim perlu sentiasa mengikuti perkembangan ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia serta nasihat agensi keselamatan termasuk TLDM dari masa ke semasa.

Beliau mengingatkan mereka supaya segera menghubungi Pusat Operasi Markas Pemerintahan Armada Timur di talian 088-473606 dan Pusat Operasi Markas Wilayah Laut 2 (089-219709) atau Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Wilayah Maritim Sabah (088-270165) dan Wilayah Maritim Sarawak (082-432544) jika berlaku kecemasan di laut. - Bernama

Angin kencang, ribut petir dijangka landa lima negeri



MetMalaysia mengeluarkan amaran ribut petir di perairan Perak, Terengganu, Pahang, Johor dan Sarawak. - Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) hari ini mengeluarkan amaran ribut petir di perairan Perak, Terengganu, Pahang, Johor dan Sarawak.

MetMalaysia dalam kenyataan berkata, keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang hingga 50 kilometer sejam serta laut bergelora.

Manakala ombak mampu mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

Beberapa kawasan di negeri tersebut dijangka akan mengalami keadaan ribut petir, hujan lebat dan angin kencang.



Ibu Bapa Pastikan Anak Patuhi Peraturan Keselamatan Jalan Raya



ALOR SETAR, 26 Dis (Bernama) -- Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Kedah menasihatkan ibu bapa untuk memastikan anak mereka yang membawa kendaraan khususnya motosikal ke sekolah, agar mematuhi peraturan jalan raya yang ditetapkan.

Pengarah jabatan itu Chan Pei Hong berkata ini kerana kebiasaan berlaku peningkatan hingga 30 peratus jumlah pengguna jalan raya pada hari pertama persekolahan yang mampu menyumbang kepada kemalangan jalan raya.

"Saya nak ingatkan ibu bapa supaya pastikan anak-anak ada lesen memandu dan pakai topi keledar yang ada kelulusan **SIRIM** untuk ke sekolah.

Bagi anak-anak yang baharu masuk sekolah juga kena bimbing mereka kerana mereka tidak dapat menjangkakan apa yang akan berlaku di persekitaran sekolah yang baharu dan terdedah kepada kemalangan," katanya kepada pemberita pada program wawancara khas keselamatan jalan raya bersama media di sini, hari ini.

Statistik JKJR Kedah menunjukkan penunggang dan pembonceng motosikal yang terdiri daripada pelajar terus menjadi penyumbang utama kepada kadar kemalangan jalan raya sejak 2011 hingga 2015.

Menurut rekod, sebanyak 1,696 penunggang dan pembonceng motosikal berusia 11 hingga 25 tahun maut dalam kemalangan jalan raya pada 2011 dan jumlahnya meningkat kepada 1,816 orang pada 2015.